

**Najib, Muhyiddin solat Jumaat di PWTC
Utusan Online
December 3, 2011**

KUALA LUMPUR 2 Dis. - Dewan Tun Razak 4 hari ini sekali lagi menjadi tumpuan lebih 5,000 jemaah termasuk perwakilan UMNO pada Perhimpunan Agung UMNO 2011 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) untuk menunaikan solat Jumaat.

Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak dan timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyertai perwakilan dan orang ramai menunaikan solat Jumaat itu yang diimamkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Jamil Khir yang juga Ahli Majlis Tertinggi UMNO turut bertindak selaku khatib, menyampaikan khutbah yang berkisar mengenai intipati dan pengorbanan perjalanan Hijrah Nabi Muhammad dari Mekah ke Madinah.

Dalam pada itu, Jamil Khir yang ditemui selepas solat Jumaat berkata, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Majlis Mufti sedang menimbang untuk membenarkan beberapa lokasi bersesuaian dijadikan tempat bagi umat Islam di Kuala Lumpur menunaikan solat Jumaat selain di masjid.

Menurut beliau, di Kuala Lumpur kini terdapat 79 tempat yang menyediakan kemudahan solat Jumaat termasuk di dalam bangunan ataupun di surau sedia ada.

"Kini kita tidak perlu tanah seluas lima ekar bagi mendirikan masjid bagi kemudahan solat Jumaat kerana banyak kawasan yang bersesuaian boleh dijadikan tempat solat Jumaat seperti di perumahan flat dan bangunan pejabat asalkan mengikut hukum yang telah ditetapkan," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1203&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_09.htm